SEKSYEN

Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Video Global Hiburan Sukan Sisipan

TERKINI

Peguam Negara: Khaled
ap diatasi dengan hati-
i


Zakir berdepan tindakan jika langgar undang-undang


Khairy diperlukan untuk meremajakan Umno: Penganalisis


Azmin jumpa Sultan Selangor esok


S
p

Custom Search

# Kuih kuba guling merebak ke Kuala Terengganu

*NORADILA MAHAMAD*
*3 JUN 2018*

Facebook Twitter WhatsApp Email More 949



*Amrie (kiri) dan Ahamat sedia menanti pelanggan untuk membeli kuih kuba guling di gerai jualannya di Bazar berhampiran Masjid Tengku Tengah Zaharah, Kuala Ibai.*

A- A+ (Ubah saiz teks)

KUALA TERENGGANU - Kuih yang dipercayai berasal dari negara Thailand dikenali kanom piak poon atau lebih tular sebagai kuba guling turut merebak ke Kuala Terengganu.

Kuih berkenaan dikatakan pada asalnya menjadi tarikan ramai bermula di Kelantan sebelum ke Terengganu.

Peminat makanan pelik, Mohd Shaiful Amrie Mohd Salmi, 28, dari Kampung Bukit Payung, Marang berkata, sebelum kuih itu menjadi tular, dia terlebih dahulu pernah melihat satu video di dalam Youtube mengenai cara kuih itu dibuat.

"Saya seorang yang suka tengok masakan pelik-pelik dan pernah menonton resepi ini dan di Thailand ada dua versi, satu dibuat dengan arang tempurung dan satu lagi pandan.

"Selepas menjadi tular, saya teringat balik di mana saya pernah tonton dan cuba buat kerana ramai yang bertanya untuk dapatkan kuih ini," katanya kepada Sinar Harian yang ditemui di bazar perkarangan Masjid Tengku Tengah Zaharah, Kuala Ibai, di sini.

TOP 5 VIDEO PALING HANG

1 Aminuddin kesal tindaka kerajaan

2 Gadis Melayu pertama s Universe New Zealand

3 Tommy jadi Peguam Ne Melayu, Islam

4 Jangan nak melampau s

5 50 ahli Umno umum kel

Amrie berkata, dia yang mula menjual kuih itu pada awal bulan puasa lalu hanya menjalankan perniagaan secara penghantaran kepada pelanggan.

Bagaimanapun, apabila dari hari ke hari, permintaan semakin banyak, dia tidak sempat membuat penghantaran kepada pelanggan dan

membuka gerai di bazar berkenaan bersama rakannya, Hassan Ahamat, 37.

Amrie berkata, apabila buka gerai jualan di situ (Kuala Ibai), sambutan sangat menggalakkan kerana dia turut memuat naik status berhubung penjualan kuih itu di akaun facebook dan instagram miliknya.

"Tak sangka ramai juga yang sanggup datang ke sini untuk beli kuih kuba guling sehingga ada yang datang dari Besut malah ada pelanggan yang ingin mencuba kuih ini dari Kuantan yang suruh saya hantar ke sana," katanya.

Amrie berkata, sejak menjual kuih kuba guling yang memakan masa satu jam untuk masak itu, dia sering menambah kuantiti kuih sehingga mencecah 100 pek sehari.

Ditanya mengenai penggunaan arang tempurung di dalam kuih berkenaan, Amrie berkata secara jujurnya dia tidak meletakkan arang berkenaan sebaliknya menggunakan bahan semulajadi lain yang menjadikan warnanya gelap seperti warna asal kuih kuba guling.

"Ada pelanggan yang datang dan bertanya adakah saya betul-betul guna arang tempurung dan saya cakap jujur memang saya tak guna," katanya yang menjual dengan harga RM3 bagi satu pek.

Amrie yang merupakan seorang usahawan peralatan sukan berkata, dia memang suka memasak dan lebih tertarik kepada makanan pelik atau jarang dijumpai di Malaysia atau Terengganu.

DAPATKAN BERITA SI
SETIAP HARI DI EM

Nama

Email

Saya telah memahami dan I
Polisi Data Peribadi Karangkraf di:
http://www.karangkraf.com/ppdpk

Langgan!

Sponsored Links

How To Get Cheap Hotel Deals In 2018? We Know! (Only For Customers From Malaysia)
Trips Insider

Expats – Your Need-to-Know Guide to Savings and Tax
Expat Savings Review

The Biggest Flight Deals Comparison Site
LaseTrips.com

You May Like

Play this for 1 minute and see why everyone is addicted
Throne: Free Online Game

Catch Mosquitoes with This Non-Chemical Mosquito Trap Lamp For Only RM129
Cash on Delivery | Mosquitoes trap lamp

Sponsored Links

*www.sinarharian.com.my tidak bertanggungjawab di atas setiap pandangan dan pendapat yang diutarakan melalui laman sosial ini. Ia adalah pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pandangan dan pendirian kami.*

Promoted Links

This Woman Reads 100 Books In A Month
Blinkist

Ditembak balik tarawih

Hentikan Mak Jemah ERA: Hafiz Hamidun

Sinar@Social & Video
Sinar TV

SH Recommended For You

Menang atau kalah: Agenda Islam wajib didaulatkan